



PESERTA dibawa menyelami keunikan salah satu lokasi Free Walk Kuala Lumpur iaitu di Jalan Petaling. — SADDAM YUSUF

Berjalan kaki terokai Kuala Lumpur

PERJALANAN menelusuri kawasan sekitar Jalan Petaling (Petaling Street), Kuala Lumpur, membuka mata wanita itu terhadap sisi lain bandar raya tersebut. Walaupun sudah enam bulan menetap di Malaysia kerana mengikut suami yang bekerja sebagai guru di sebuah sekolah antarabangsa di Cheras, dia sendiri tidak menyangka bahawa dalam kepelbagaian mercu tanda di Kuala Lumpur, Jalan Petaling menyimpan banyak peninggalan sejarah daripada komuniti berbilang kaum yang menetap di sekitar kawasan itu.

Berasal dari Aidelaid, Australia, Shelly Nelson mengakui bahawa lawatannya kali ini dengan pemandu pelancong yang dikenali menerusi kenalan yang juga merupakan ekspatriat di Kuala Lumpur, memberi pengalaman berbeza buat dirinya.

"Lawatan di Kuala Lumpur kali ini berbeza kerana pemandu pelancong membawa saya berjalan kaki di sekitar kawasan tarikan yang mana saya melihat sendiri peninggalan sejarah, budaya dan infrastruktur dengan lebih dekat.

"Tidak hanya itu, kami turut berpeluang berinteraksi dengan orang awam yang juga merupakan wakil dari komuniti dan telah menetap di kawasan Jalan Petaling sejak generasi terdahulu," katanya ketika ditemui Panorama pada lawatan Free Walk Kuala Lumpur Unscripted di Jalan Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambahnya, lebih menarik dia juga dibawa masuk ke dalam bangunan-bangunan persendirian yang berusia lebih 100 tahun untuk melihat sendiri rekaan dalaman yang masih dikekalkan sejak zaman kolonial.

Kongsinya yang turut menyertai lawatan bersama rakan, Heather Portway, dia tidak menyangka bahawa konsep lawatan Free Walk turut ditawarkan di Malaysia yang mana ia sudah sinonim di negara-negara Eropah.



DENGAN berjalan kaki di lorong-lorong, para peserta atau pemandu pelancong dapat menerokai secara autentik warisan dan keistimewaan Kuala Lumpur.

Free Walk (tip-based) Kuala Lumpur Unscripted merupakan lawatan berjalan kaki berkonsepkan tip yang memfokuskan kepada pelancongan warisan. Dijalankan secara persendirian, aktiviti ini diterajui oleh Jane Rai, 46, yang mengumpulkan beberapa pemandu pelancong untuk mewujudkan pakej lawatan berkonsepkan peribadi. Ia merupakan inisiatif Jane yang membesar di Kuala Lumpur dan melihat penubuhan Free Walk itu



Oleh **GHAZALI ALIAS**

sebagai langkah untuk memastikan warisan ibu kota itu terus hidup.

Ia membawa pelancong memasuki celah-celah lorong dan bangunan-bangunan kedai untuk mendekati keunikannya.

Jelas Jane, Free Walk Kuala Lumpur memulakan operasi pada awal Mac 2020, namun terpaksa berehat seketika susulan pandemik Covid-19 sebelum kembali ketika kelonggaran diberikan pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa dua.

"Lawatan berkonsepkan Free Walk ini diwujudkan sebagai salah satu produk pelancongan yang memberi opsyen lebih fleksibel kepada pelancong.

"Free Walk ini berbeza dengan pakej pemandu pelancong yang lain kerana tidak mengikat pelancong dengan harga pakej, masa dan mereka mempunyai kebebasan untuk menempah atau turut serta dalam slot-slot perjalanan kami," katanya yang mempunyai pengalaman sebagai pemandu pelancong selama 34 tahun.

Tambahnya lagi, walaupun pakej ini tidak mempunyai harga tetap, namun pelancong yang mengikuti lawatan ini digalakkan supaya memberi pemandu pelancong tip dengan seikhlas hati. Hal ini sudah menjadi budaya

JANE memandu para pelancong berjalan kaki melalui kawasan-kawasan komuniti di Kuala Lumpur.

Free Walk ini berbeza dengan pakej pemandu pelancong yang lain kerana ia tidak mengikat pelancong dengan harga pakej, masa dan mereka mempunyai kebebasan untuk menempah atau turut serta dalam slot-slot perjalanan kami."

JANE

dalam konsep Free Walk yang turut menjadi kebiasaan di luar negara.

Jelasnya, pakej lawatan ditawarkan melibatkan dua tempat iaitu sekitar Jalan Petaling ke Jalan Pangung atau lebih dikenali sebagai Chinatown (Chinatown Cultural Walk), dan juga kawasan melibatkan Pasar Seni, Masjid Jamek serta Bangunan Sultan Abdul Samad (East West Connection).

"Fokus Free Walk ini lebih kepada membawa pelancong menerokai warisan Kuala Lumpur dengan lebih dekat dan kerana itu kita memilih untuk membawa mereka berjalan di sekitar kawasan yang ditetapkan.

"Pakej ini tiada pelan yang lengkap kerana itu dinamakan Unscripted. Setiap slot tidak sama seperti sebelumnya dan ia bergantung idea pemandu pelancong itu," ujarnya.

Kongsinya lagi, oleh sebab tu setiap pemandu pelancong yang terlibat juga merupakan mereka yang arif tentang kawasan sekitar lokasi lawatan dan sejarah di sebaliknya.

Ini juga bagi menghidupkan idea lawatan yang penuh semangat cintakan warisan Kuala Lumpur dan kembali menyelami memori komuniti setempat. Tidak hanya itu, konsep lawatan sambil berjalan juga bersifat lebih interaktif dan pada masa sama pelancong dapat melihat sendiri peninggalan sejarah yang tersembunyi dengan lebih dekat, sebagai contoh seni bina bangunan lama mengikut spesifikasi pihak British pada zaman kolonial dan rumah kedai masyarakat Cina di Jalan Petaling.

Jane turut berkongsi bahawa, Free Walk Kuala Lumpur membawa pelancong ke sisi Kuala Lumpur yang lebih autentik yang mana mereka dapat melihat sendiri budaya hidup

EKSTRA

FREE WALK KUALA LUMPUR

- Diasaskan oleh Jane Rai pada Mac 2020
- Merupakan pakej lawatan terbuka yang berasaskan bayaran tip kepada pemandu pelancong
- Melibatkan kawasan East-West Connection Walk dan Chinatown Cultural Walk
- Lawatan biasanya diadakan pada setiap Sabtu dan Ahad bermula antara 9.30 atau 10 pagi
- Durasi lawatan sekitar dua jam
- Konsep Free Walk tidak mengikat pelancong dengan masa dan harga pakej dan mereka bebas turut serta atau menempah masa lawatan
- Maklumat boleh diperolehi menerusi laman web freewalk-kualalumpur-unscripted.com



JANE memberi penerangan kepada Shelly (dua dari kiri) dan peserta-peserta lain.

masyarakat di sebalik mercu tanda yang sering menjadi sebutan.

"Free Walk Kuala Lumpur ini merupakan serampang dua mata dalam memeriahkan lagi industri pelancongan negara sekali gus membangunkan komuniti setempat.

"Ini berikutan kita membawa pelancong untuk lebih dekat dengan komuniti, melihat sendiri gaya hidup masyarakat setempat yang harmoni dan mengenali sumber ekonomi mereka seperti perusahaan mi dan teh berusia lebih setengah abad," jelasnya.

Tambahnya, melihat impak positif selepas menjalankan Free Walk Kuala Lumpur selama hampir tiga tahun, Jane juga merancang menambah lokasi lawatan ke beberapa tempat di ibu kota pada masa akan datang.

Perlu warga tempatan kendali free walk

LAWATAN berkonsep free walk telah mendapat populariti terutama dalam era pendigitalan dalam masyarakat masa kini.

Konsep ini juga menjadi pilihan kerana fleksibiliti yang ditawarkan kepada pelancong terutama dari aspek masa dan ketersediaan.

Menurut Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Perkhidmatan, Universiti Lund, Jerman, Jan Henrik Nilsson, peningkatan penglibatan dalam lawatan free walk juga seiring dengan pelancongan urban di Eropah.

"Lawatan free walk adalah berdasarkan amalan organisasi global dan konsep homogen. Lawatan itu sendiri pada asasnya adalah bersifat tempatan, kerana ia berlaku dalam konteks bandar tertentu.

"Pemandu pelancong yang terlibat juga merupakan penyampai cerita kepada sejarah setempat dan pada masa sama memberikan persepektif berbeza mengikut fahaman mereka sendiri," katanya.

Tambahnya, mereka juga boleh menjadi penghubung pelanggan kepada pasaran produk setempat sekali gus merencanakan lagi ekonomi komuniti.

Bagaimanapun, Nilsson turut menjelaskan dalam mengendalikan lawatan free walk, keperluan kepada penglibatan pemandu pelancong daripada warga setempat adalah lebih baik supaya penyampaian maklumat lebih telus.

Ini bermaksud, orang tempatan lebih memahami sejarah mereka dan boleh berkongsi dengan lebih mendalam atau bersifat peribadi.

"Lawatan berkonsepkan free walk mempunyai banyak kelebihan terutama kepada komuniti, namun pada masa sama ada pihak yang tidak bertanggungjawab boleh mengambil kesempatan untuk melaksanakan model ini bagi mendapatkan keuntungan persendirian.

"Oleh yang demikian, perlu ada satu garis panduan dalam pelaksanaan dan pada masa sama pantau agar konsep ini tidak dicemari dengan penipuan terutama penyelewengan fakta sejarah," ujarnya.



NILSSON



DEMI memastikan warisan dan elemen-elemen estetik di Kuala Lumpur dapat diperkenalkan kepada pelancong, Jane menjalankan inisiatif ini.